

Guna sains tingkah laku didik orang ramai perkukuh sekuriti makanan

- Kerajaan perlu berkempen secara besar-besaran untuk ubah sikap masyarakat, dorong mereka hidup bersama tanaman

- Perkasakan koperasi di kawasan kediaman bertingkat galak penghuni wujudkan aktiviti ekonomi kelompok untuk kepentingan bersama



Oleh Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Felo, Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Menteri Kesihatan, Khairi Jamaluddin dalam ucapannya di Persidangan Kesihatan Sedunia Sesi Ke-75 (WHA75) pada Mei lalu dilaporkan menyebut mengenai penerapan sains tingkah laku dalam menangani COVID-19 di negara ini yang terbukti berjaya.

Maka, secara logiknya, perkara sama pada prinsipnya juga boleh dilaksanakan dan dijayakan dalam memperkukuhkan sekuriti makanan negara.

Sains tingkah laku bererti kefahaman ke atas dinamik individu atau kumpulan untuk membantu dalam pembangunan organisasi. Kepentingan disiplin ini dipopularkan Prof Richard Thaler yang menerima Hadiah Noble (Ekonomi) pada 2017.

Beliau berjaya mengurangkan jurang di antara psikologi dengan ekonomi melalui pemahaman tingkah laku ekonomi dan kewangan. Ekonomi tingkah laku mengikut beliau adalah meneliti perbezaan antara 'apa yang sepatutnya' dengan 'apa yang sebenarnya' perlu dilakukan dan apakah akibat tingkah laku itu.

Berlandaskan kajian beliau, beberapa negara menubuhkan Pasukan Penilai Tingkah Laku (BIT) atau 'Nudge Unit' untuk membantu dalam merangka sesuatu dasar.

Tujuan unit ini adalah menggunakan kefahaman sains tingkah laku untuk membentuk dasar dapat memperbaiki perkhidmatan awam. Unit ini menggunakan teknik psikologi dan pemasaran. Antara negara memiliki unit ini adalah United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Singapura, New Zealand, Australia, Perancis dan Kanada.

Namun, bagaimana hendak membentuk tingkah laku rakyat supaya dapat membantu ke arah menjamin sekuriti makanan. Antara program murah dan efektif adalah penerapan konsep Buku Hijau dipelopori Allahyarham Tun Abdul Razak pada 1974.

Konsep Buku Hijau adalah menggalakkan rakyat bercucuk tanam di pekarangan rumah. Amalan ini boleh membantu sekuriti makanan melalui

pengurangan belanja makanan dan memperbaiki nutrisi.

Faedah luaran yang tidak disebutkan adalah faedah agroekologi seperti landskap hijau dan memupuk minat serta keprihatinan kepada kepentingan pokok dan tanaman dalam kehidupan seharian. Ia memupuk nilai harmoni dalam keluarga untuk hidup bersama tanaman dan pokok.

Kempen kesedaran

Bagi mencapai tujuan ini, kerajaan perlu mengadakan kempen besar-besaran di seluruh negara dalam pelbagai platform seperti media sosial, radio, internet, televisyen dan iklan di sekolah, institusi dan lokasi awam.

Pelbagai program insentif perlu dilaksanakan untuk menarik minat orang awam ke arah ini. Kempen mengubah sikap dan tingkah laku orang awam akan mengajar pengguna menjadi bertanggungjawab ke atas ketersediaan makanan dan nutrisi keluarga sendiri serta berjimat dalam berbelanja.

Kempen 'sifar makanan terbuang' juga satu strategi untuk mewujudkan sikap bertanggungjawab rakyat ke atas makanan dan alam sekitar. Malaysia dikatakan membuang sebanyak 12,000 tan makanan sehari yang mana 60 peratus daripadanya masih boleh dimakan.

Jika penjimatan berlaku, negara dapat memberi makanan mencukupi kepada golongan miskin dan terpinggir. Pada masa sama, makanan dibuang ini boleh dikitar semula untuk pengeluaran baja.

Insentif dan pelaburan untuk mengurangkan buangan makanan dan mengitar semula bahan ini terbukti berjaya dilakukan di Thailand dan Taiwan.

Sementara itu, antara kelompok yang terjejas teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah penghuni rumah pangsa di bandar.

Beberapa kajian dilaksanakan Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengenainya menunjukkan keperitan hidup kelompok disebabkan pendapatan menurun, berlaku pengangguran dan kemiskinan.

Kesempitan hidup akibat pendapatan merosot

menyebabkan mereka tidak mampu menyediakan pemakanan seimbang untuk keluarga. Isu ini mungkin boleh diatasi jika penghuninya bekerjasama untuk membela dan mengubah nasib mereka.

Kerjasama dalam komuniti ini perlu dipupuk supaya mereka dapat mengubah nasib mereka sendiri menjadi lebih baik dan kembali berdaya saing.

Seruan kerajaan ke arah memperkasakan komuniti adalah konsep tepat sekali untuk membantu penghuni rumah pangsa dan pangsapuri. Keunikan dan kekuatan masyarakat rumah pangsa adalah mereka berkongsi 'satu' kehidupan yang boleh dianggap setara iaitu struktur rumah hampir serupa dan berkongsi persekitaran sama.

Kerjasama komuniti

Komuniti ini juga memiliki suasana kejiwaan akrab dan hidup lebih rapat kerana tinggal bersebelahan, sekali gus jarang kesunyian atau hidup sendirian. Model kerjasama boleh dicontohi adalah seperti di Singapura yang mana penghuninya menubuhkan koperasi untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka.

Sebagai contoh, penghuni menubuhkan koperasi bagi menyediakan kedai barangan dapur untuk semua penghuni pangsapuri. Dengan ini, bukan sahaja mereka mendapat faedah dividen tetapi juga bekalan barangan dapur murah pilihan mereka sendiri.

Koperasi ini turut mewujudkan kelas tadika, kedai runcit dan restoran, khidmat pengutipan sampah, pengurusan persekitaran, kredit, kraf tangan, jahitan, kuih-muih, pusat tuisyen, urusan lesen kereta dan motosikal, mengendali kendurikendaras seperti perkahwinan dan sambutan raya.

Model koperasi yang sesuai adalah koperasi pekerja yang mana anggota koperasi bekerja dalam perusahaan dijalankan. Bererti jika koperasi melaksanakan khidmat penjagaan tadika, pekerja diambil daripada anggota koperasi.

Koperasi membawa pelbagai faedah kepada penduduk antaranya memupuk penghuni semangat bekerjasama atau kekitaan, membina kemahiran organisasi dan keusahawanan.

Ia juga menerap prinsip demokrasi dalam melaksanakan perniagaan iaitu 'satu orang satu undi' dan tidak seperti syarikat yang mana individu memiliki saham terbanyak memiliki suara besar.

Untuk memupuk pemakanan yang sihat, program makanan percuma di sekolah juga adalah tepat bagi membentuk tingkah laku anak-anak di sekolah.

Program ini akan memupuk tingkah laku pemakanan sihat apabila mereka dewasa dan berkeluarga. Faedah program ini selain membekalkan zat adalah menarik anak-anak terpinggir daripada sekolah akibat pandemik kembali ke sekolah, mengurangkan beban belanja ibu bapa miskin dan membangunkan pengeluaran makanan setempat.

Apa yang dicatatkan ini boleh mengubah tingkah laku pengguna dalam jangka masa pendek dan berpotensi diabadikan sebagai satu gaya hidup dalam jangka masa panjang.

Jika ini berlaku, komuniti akan menjadi lebih bertanggungjawab ke atas sekuriti makanan dan berdaya tahan mendepani perkara luar jangka atau kejutan pada masa hadapan.

